

04 FEB 1998

DR MAHATHIR AKAN LAWAT TIGA NEGARA ASEAN

KUALA LUMPUR, 4 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata lawatannya ke tiga negara anggota Asean cuma untuk mengetahui perkembangan terbaru mengenai keadaan di negara-negara berkenaan berikutan krisis ekonomi yang melanda rantau ini.

"Saya melawat Thailand bukan kerana Al-Fayed berada di sana," kata beliau pada persidangan media bersama dengan jutawan Mesir, Mohamed Al-Fayed.

Al-Fayed dalam lawatan tiga hari ke Malaysia dan antara tempat yang dilawatinya ialah Langkawi dan Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di Sepang.

Al-Fayed berada di Thailand sebelum datang ke Malaysia.

Dr Mahathir dijadual berlepas ke Bangkok esok sebelum ke Manila dan Singapura.

"Saya akan menemui rakan-rakan, Perdana Menteri Thailand dan menemui Fidel Ramos. Saya juga akan singgah di Singapura untuk menemui Goh Chok Tong," kata beliau. -- BERNAMA

ARA FAZ